

## Konsep Al-Ibtala' Menurut Islam: Tinjauan Deskriptif Berdasarkan Beberapa Ayat Al-Quran dan Al-Hadith

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman\*, Rohaida Mohammed Dawam\*,  
Muhammad Hazim Mohd Azhar\*\*

\* Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\*\* Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Perlis, Kampus Arau, Perlis.

E-mail: [smhilmi@um.edu.my](mailto:smhilmi@um.edu.my)

### ABSTRACT

Al-Ibtala' is one of the topic of discussion in the al-Qada' al-Qadar debate. It is a concept of test that happened to human beings while exploring their life. It must be understood to make sure that human are prepared to whatever the challenges or test come to their way. Using a descriptive method that focused to the concept of al-Ibtala' as the main topic of discussion, this paper has presented the understanding of the test reality based on the concept of al-Ibtala' according to Islam. The construction of this understanding is based on the language definition and terminology as well as some selected verses of the Qur'an and Hadith. Ultimately, the fact of al-Ibtala' is the sunnah of life and the world is a testing state. Every human being will certainly face a test and it is given in various forms including their pleasure, suitability and hardship. In short, the understanding of al-Ibtala' will increase the perceptiveness of faith in al-Qada' al-Qadar.

**Keywords:** *al-Ibtala'*, ujian, *al-Qada' al-Qadar*

### ABSTRAK

*Al-Ibtala'* merupakan salah satu topik perbincangan dalam perbincangan *al-Qada' al-Qadar*. Ia merupakan satu konsep ujian yang dialami oleh manusia dalam menelusuri kehidupan. Ia perlu difahami agar manusia bersedia dengan apa jua ujian yang mendatang. Dengan menggunakan metode deskriptif yang memfokuskan konsep *al-Ibtala'* sebagai topik utama perbincangan, makalah ini membentangkan kefahaman hakikat ujian berpaksikan konsep *al-Ibtala'* menurut Islam. Pembinaan kefahaman ini adalah berdasarkan pendefinisian bahasa dan istilah serta beberapa ayat al-Quran dan al-Hadith terpilih. Tuntasnya, hakikat *al-Ibtala'* adalah sunnah kehidupan dan dunia adalah negeri ujian. Setiap manusia pasti

akan berdepan dengan ujian dan ianya diberi dalam pelbagai bentuk merangkumi kesenangan dan kesusahan mengikut kesesuaian dan kemampuan masing-masing. Ringkasnya, kefahaman terhadap *al-Ibtıla'* akan meningkatkan lagi penghayatan keimanan terhadap *al-Qada' al-Qadar*.

**Kata kunci:** *al-Ibtıla'*, ujian, *al-Qada' al-Qadar*

## Pengenalan

Dalam memahami konsep *al-Qada'* dan *al-Qadar*, satu elemen penting untuk difahami adalah konsep *al-Ibtıla'* (ujian). Secara ringkasnya, *al-Ibtıla'* merupakan konsep ujian ketentuan Allah terhadap manusia dalam menelusuri kehidupan. Maknanya, setiap manusia pasti tidak akan terlepas dengan ujian hidup. Perbezaannya hanyalah pada bentuk dan manifestasinya sahaja. Makalah ini membincangkan konsep *al-Ibtıla'* menurut Islam berdasarkan ayat al-Quran dan al-Hadith. Perbincangan dimulai dengan definisi *Ibtıla'* menurut bahasa dan istilah, kemudian diikuti beberapa potongan ayat al-Quran dan al-Hadith yang berkaitan tentang konsep *al-Ibtıla'*.

### Definisi *al-Ibtıla'*

Bagi memastikan konsep *al-Ibtıla'* ini dapat difahami dengan baik, maksud *Ibtıla'* dari segi bahasa dan istilah menurut para sarjana akan disenaraihuraikan. *Ibtıla'* adalah satu perkataan bahasa Arab yang berasal dari perkataan *Bala'*. Perkataan *Ibtıla'* dan *Bala'* membawa maksud *Ikhtiar* dan *Imtihan*.<sup>1</sup> *Al-Ibtıla'* diambil dari perkataan *ابتلى*. Asal perkataan adalah *بلى*. Perkataan *بلاء* - *بلاء* atau *اختباره*<sup>2</sup> memberi erti mengujinya atau mencubainya sebagaimana firman Allah:

﴿وَنَبَلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ﴾

(Surah al-Anbia' 21:35)

Terjemahan: *Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai fitnah (yang sebenar-benarnya).*

Al-Mu'jam al-Wasit mendefinisikan *al-Ibtıla'* atau *Bala'* sebagai sesuatu perkara yang diturunkan kepada seseorang bertujuan untuk mengujinya.<sup>3</sup> Menurut Kamus al-Mawrid,<sup>4</sup> perkataan *بلاء*, *ابتلاء* bermaksud menguji atau mencuba.

<sup>1</sup> Abd Allah 'Abd al-Ghani Muhammad Saleh, *al-Ibtıla' wa Atharuhu fi Hayat al-Mu'minin kama Ja'a fi al-Quran al-Karim* (Riyadh: Dar al-'Itisam, t.t.), 17. Lihat juga; Al-Amin al-Sodiq al-Amin, *al-Thabat 'ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam* (Saudi: Dar Ibn al-Jauzi, 2004), 2: 276-279. Lihat juga; Mahmud Ahmad Sa'id al-Atrasyh, *Syukr al-Ni'mah fi al-Quran al-Karim wa al-Sunnah al-Sohihah* (Dar al-Iman, 2007), 107.

<sup>2</sup> Jamal al-Din Muhammad ibn Makram, Ibn Manzur, *Lisan al-Arab* (Bayrut: Dar Sadir, 1994).

<sup>3</sup> Al-Mu'jam al-Wasit, cet.4 (Kaherah: Maktabah al-Syuruk al-Dauliyah, 2005), 71.

<sup>4</sup> Rohi Baalbaki, *Qamus al-Mawrid* (Bayrut: Dar El-Ilm Lilmalayin, 1995), 21.

Hani Sa'ad Ghunaim menjelaskan bahawa kalimah *Ibtıla'* mempunyai banyak makna seperti *al-In'am* (pemberian nikmat), *al-Ihsan* (kebaikan), *al-Ijtihad* (kesungguhan) dan *al-Ikhtibar* (ujian).<sup>5</sup> Beliau turut mentakrifkan *Ibtıla'* sebagai berikut:<sup>6</sup>

- i- يَلُوهُ , بَلَاة : mencuba, menguji.
- ii- ابْتَلَى الله : Allah mengujinya.
- iii- *Ibtıla'* juga membawa maksud, boleh terjadi dalam hal keburukan sekaligus kebaikan tanpa terpisah.
- iv- Al-Qutaibi berkata, dalam hal kebaikan, ungkapan yang digunakan ialah اِبْتَلَيْتُهُ - اِبْلَاءً.

Manakala dalam hal keburukan disebut بَلَاة - بَلَوْتُهُ.

Dalam kamus-kamus bahasa dan nas-nas syara' perkataan *Bala'* memberi pelbagai makna iaitu:<sup>7</sup>

- i- الفِتْنَةُ , المِحْنَةُ , الاِخْتِبَارُ : (iktibar/ujian, cubaan/dugaan dan fitnah).
- ii- النِّعْمَةُ : (limpah kurnia, kesenangan, kemenangan).
- iii- العِقَابُ , العِقَابُ : (hukuman dan seksaan)

Aisha Bewley dalam Glossary of Islamic Terms mendefinisikan *Bala'* sebagai affliction, trial, which is a sign of divine love and necessary for spiritual development.<sup>8</sup> Kamus Bahasa Arab-Bahasa Inggeris Oxford Fajar<sup>9</sup> memberikan makna sebagai berikut:

- i- اِبْتَلَى : اِحْتَبَرَ , جَرَّبَ - to test, try, put the test.
- ii- اِبْتَلَى : اَسَابَ بِمِحْنَةٍ , امْتِحَانَ - to afflict, try, distress, torment, torture.
- iii- اِبْتَلِيَ ب : to be afflicted with, hit by, stricken by, smitten by, sorely tried by, to suffer, sustain, undergo, experience.
- iv- اِبْتِلَاءٌ : trial, tribulation, affliction.

Menurut kamus Arab-Melayu al-Munawwir, *Bala'* diertikan dengan musibah, fitnah, ujian, dugaan dan cubaan.<sup>10</sup> Kamus *al-Marbawi* mentafsirkan perkataan *Balaahu*,

---

<sup>5</sup> Sa'ad Ghunaim, *Al-Ibtıla' tathir wa Ni'mah min Rabb al-Ardhi wa as-Sama'*: Musibah (Ujian) Menyucikan Dosa Dan Meninggikan Darjat, terj. Abu Athiyyah (Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa, 2012), 7

<sup>6</sup>*Ibid*, 8-10.

<sup>7</sup>Muhammad Nur Lubis, *Bencana (Al-Ibtıla') Pengertian & Konsep* (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2008), 9.

<sup>8</sup>Aisha Bewley, *Glossary Of Islamic Terms* (London: Ta-Ha Publishers, 1998), 205.

<sup>9</sup>Abdul Rauf Hassan, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin, *Kamus Oxford Fajar* (Selangor: Oxford Fajar, 2006), 42.

<sup>10</sup>Ahmad Warson Munawwir, *Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap* Cetakan ke-14 (Surabaya, Indonesia: Pustaka Progressif, 1997), 109.

*Ibtalahu* sebagai menguji atau mencuba.<sup>11</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan perkataan “Bala” sebagai kejadian buruk yang menimpa diri seseorang seperti kemalangan atau menimpa sesuatu tempat seperti gempa bumi, banjir besar, kemarau dan sebagainya.<sup>12</sup> Manakala maksud “Ujian” pula ialah sesuatu yang dilakukan untuk mencuba atau menduga kesungguhan sama ada kebenaran, kesetiaan atau sebagainya.<sup>13</sup> Ia turut boleh dikatakan sebagai musibah, kesukaran yang berlaku untuk menguji keimanan atau kesabaran seseorang. Kejadian yang sukar yang terpaksa dihadapi dengan tabah.

Dalam al-Quran terdapat tiga perkataan yang memberi maksud *Ujian* atau *Cubaan* iaitu *al-Ibtala’*, *al-Mihnah* dan *al-Fitnah*.<sup>14</sup> Para ulama ada yang berpendapat bahawa perkataan *Bala-Yablu* digunakan untuk *al-Ibtala’* dalam bentuk kesusahan dan kepayahan. Manakala perkataan *Abla-Yubli* bermaksud *al-Ibtala’* dalam bentuk kesenangan dan kenikmatan.<sup>15</sup> Ibnu Manzur di dalam kitabnya *Lisan al-Arab* berpendapat bahawa tiada perbezaan di antara kedua-dua perkataan tersebut kerana *al-Ibtala’* itu sendiri datang dalam bentuk kenikmatan dan kesusahan.<sup>16</sup> Berdasarkan huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa definisi *al-Ibtala’* dari segi bahasa bermaksud ujian, cubaan, dugaan, cabaran dan fitnah yang datang dalam bentuk kenikmatan atau kesusahan.

Manakala dari segi istilah, banyak takrifan yang diberikan oleh para ulama. Antaranya ialah apa sahaja kemudharatan yang menimpa manusia samada pada diri, harta dan lain-lain dalam kehidupan yang ditempuhi. *Al-Ibtala’* merupakan perbuatan yang menzahirkan hubungan antara Allah dan hambaNya.<sup>17</sup> *Al-Ibtala’* merupakan realiti yang berlaku kepada manusia, ia adalah undang-undang yang selari dengan kehidupan manusia berdasarkan kehendak Allah. Ianya bukan perkara pilihan tetapi adalah perkara yang pasti menurut kehendakNya. Ia berlaku kepada setiap manusia tidak kira muslim atau kafir dan juga berlaku kepada jin<sup>18</sup> sebagaimana firman Allah:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

Surah al-Zariyyat 51:56

Terjemahan: *Dan (ingatlah), Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.*

*Al-Ibtala’* baik berupa kesenangan mahupun kesusahan adalah nikmat terbesar dari Allah kepada para hambaNya dan merupakan satu bentuk tarbiyyah kepada umat manusia agar sentiasa mengingati Allah dan tidak lalai dengan perhiasan dunia.<sup>19</sup>

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, dapat difahami bahawa definisi *al-Ibtala’* dari segi istilah bererti ujian, dugaan dan cabaran yang diberikan kepada setiap manusia merangkumi kesenangan, kenikmatan, kesusahan dan kepayahan bertujuan untuk mendidik

<sup>11</sup>Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi, *Kamus Al-Marbawi*.

<sup>12</sup>Noresah Baharom, et. al., *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 113.

<sup>13</sup>*Ibid.*, 1757.

<sup>14</sup>Muhammad Abd. Qadir Dr, *Al-Ibtala’ wa al-Mihan fi al-Da’wat* (Irbid, Jordan: Dar al-Furqan, 1987), 11.

<sup>15</sup>Faisal Ahmad Shah, “Konsep Al-Ibtala’ dan Cara Menghadapinya Menurut Al-Quran dan As-Sunnah,” (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 2.

<sup>16</sup>Jamal al-Din Muhammad ibn Makram, Ibn Manzur, *Lisan al-Arab* (Bayrut: Dar Sadir, 1994), 14: 84.

<sup>17</sup>Al-Amin al-Sodiq al-Amin, *al-Thabat ‘ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam* (Saudi: Dar Ibn al-Jauzi, 2004), 2: 280-286.

<sup>18</sup>Mohammed Ismail Sayyid Abu Skheil, “al-Ab’ad al-Tarbawiyah li Sunnah al-Ibtala’” (disertasi kuliah tarbiyyah, Qism Usul al-Tarbiyyah, Ghazzah: Jami’ah al-Islamiyyah, 2007), 13.

<sup>19</sup>Mahmud Ahmad Sa’id al-Atrasyh, *Syukr al-Ni’mah fi al-Quran al-Karim wa al-Sunnah al-Sohihah* (Dar al-Iman, 2007), 108-111.

manusia dan juga sebagai peringatan kepada manusia yang sememangnya bersifat lalai dan leka dengan urusan dunia. Apa yang pasti, setiap manusia tidak akan dapat lari daripada ujian yang merupakan kemestian yang terpaksa dihadapi.

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan definisi-definisi *al-Ibtala'* di atas, dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa *al-Ibtala'* dari sudut bahasa dan istilah memberi pengertian yang sama. Perkataan *al-Ibtala'* itu adalah satu perkataan bahasa Arab daripada kata dasar *Bala'* yang membawa maksud ujian Allah yang merangkumi dua keadaan iaitu kesenangan dan kesusahan. Ini berbeza dengan takrifan "Bala" dalam Bahasa Melayu yang membawa maksud ujian Allah yang berupa kesusahan seperti bencana, musibah dan malapetaka. Maka tidak hairanlah sekiranya umat Islam Malaysia terkeliru dengan makna *al-Ibtala'* atau Bala yang sebenarnya menurut istilah.

Pendapat ini turut dijelaskan oleh Muhammad Nur Lubis yang menyatakan bahawa perkataan "Bala" dalam penggunaan harian Bahasa Melayu bermaksud sesuatu yang buruk dan tidak diinginkan yang menimpa seseorang seperti yang disebutkan dalam kamus-kamus bahasa. Manakala dalam penggunaan harian bahasa Arab, "Bala" bermaksud segala perkara yang buruk dan baik. Bala yang baik adalah seperti kesihatan, kesenangan dan kemewahan. Bala yang buruk pula seperti sakit, kesusahan dan kemiskinan. Oleh yang demikian, segala kesenangan dan kesusahan adalah Bala. Jika seseorang itu menerima apa jua bentuk bala, maka dia dikatakan sedang di*Ibtala'*.<sup>20</sup> Sehubungan itu, seterusnya akan dikemukakan beberapa contoh tema *al-Ibtala'* menurut perspektif al-Quran dan al-Hadith sebagai teras pembinaan kefahaman terhadap konsep *al-Ibtala'*.

### **Nas al-Quran Berkaitan *al-Ibtala'***

Al-Quran banyak menyentuh mengenai *al-Ibtala'* dalam pelbagai tema dan konteks. Dalam al-Quran terdapat tiga perkataan yang digunakan bagi menunjukkan maksud ujian atau cubaan iaitu *al-Ibtala'*, *al-fitnah* dan *al-mihnah*. Perkataan *al-Ibtala'* disebut sebanyak tiga puluh lima kali di dalam ayat al-Quran. Berikut dinukilkan beberapa ayat yang menyentuh mengenai konsep *al-Ibtala'* dan dinyatasesenaraikan mengikut tema-temanya;

### ***Kejadian manusia merupakan ujian***

﴿إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

Surah al-Insan 76:2

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari setitis mani yang bercampur yang Kami hendak mengujinya (dengan perintah dan larangan), kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat.*

Dalam ayat ini Allah SWT memperingatkan manusia supaya mengetahui asal kejadiannya. Siapakah dan di manakah dia, kemudian diciptakannya dari setitis mani, kemudian Allah menjadikan bentuknya yang lengkap sempurna dengan pancainderanya untuk mendengar, melihat serta dijadikan perasaan dan akal fikirannya. Kemudian manusia akan diuji dengan tuntutan perintah dan laranganNya dan diperingatkan dengan janji dan ancamanNya.<sup>21</sup>

<sup>20</sup>Muhammad Nur Lubis, *Bencana (Al-Ibtala') Pengertian Dan Konsep*, 22 & 23.

<sup>21</sup>Isma'il bin 'Umar bin Kathir, *Tafsir Ibnu Kathir* (Riyadh: Dar al-Salam, 2004), 4: 2961.

***Kehidupan manusia tidak akan terlepas daripada ujian kesusahan dan penderitaan***

﴿لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي كَبَدٍ﴾

Surah al-Balad 90:4

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah menjadikan manusia dalam keadaan menghadapi kesulitan dan kesukaran (jasmani dan rohaninya).*

Dalam Tafsir Ibnu Kathir, dinukilkan sabda Rasulullah, Allah berfirman; Wahai anak Adam, Aku telah memberikan kepadamu nikmat yang banyak, tidak dapat kamu menghitungnya, di antara yang aku berikan kepadamu dua mata untuk melihat, maka gunakanlah apa yang Aku halalkan bagimu dan apabila engkau melihat apa yang diharamkan, maka tutuplah matamu, juga Aku beri kepadamu lidah dan aku beri alat penutupnya, maka ucapkanlah apa yang Aku perintah dan halalkan bagimu, jika ada sesuatu yang Aku haramkan maka tutuplah lidahmu, Aku juga berikan kamu kemaluan dan Aku beri penutup, maka pergunakan kemaluan itu untuk apa yang Aku halalkan dan jika ada sesuatu yang Aku haramkan, maka tutuplah. Wahai anak Adam, engkau tidak sanggup akan murka Ku dan tidak tahan untuk menerima seksa pembalasan Ku.<sup>22</sup>

***Setiap manusia akan diuji dengan keburukan dan kebaikan bagi menguji keimanannya***

﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبَلُّوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ﴾

Surah al-Anbiya' 21:35

Terjemahan: *Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan.*

Allah menguji manusia dengan pelbagai musibah dan nikmat untuk mengetahui siapakah yang bersyukur dan siapa yang mengingkari nikmatNya, siapa yang bersabar menghadapi musibah dan siapa yang gelisah menghadapi cubaanNya dan pada akhirnya kepada Dia lah manusia akan kembali.<sup>23</sup>

***Manusia akan diuji dengan ketakutan, kelaparan serta kehilangan nyawa dan harta-benda***

﴿وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِيرٍ

الصَّابِرِينَ﴾

Surah al-Baqarah 2:155

<sup>22</sup>Ibid., 4:3039.

<sup>23</sup>Ibid., 3: 1845-1846.

Terjemahan: *Dan sesungguhnya akan kami berikan cubaan kepada kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan.*

Dalam ayat ini, Allah menyatakan bahawa Allah akan tetap menguji hamba-hambanya dengan pelbagai bentuk ujian samada dari segi kesenangan, kesusahan, kesihatan, kesakitan, kekayaan ataupun kemiskinan. Ini adalah untuk mengetahui dan membuktikan siapakah yang tetap taat kepada Allah SWT di dalam segala keadaannya. Siapa yang berjuang dan bersabar dan siapa pula yang ingkar. Hamba yang berjuang dan bersabar diberi ganjaran pahala manakala hamba yang ingkar dan syirik diberi balasan azab seksa.<sup>24</sup>

***Allah akan menguji hambaNya dengan perintah dan laranganNya bagi mengetahui tahap kesabaran mereka***

﴿وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ حَتَّىٰ نَعْلَمَ الْمُجَاهِدِينَ مِنكُمْ وَالصَّابِرِينَ وَنَبْلُوَنَّكُمْ﴾

Surah Muhammad 47:31

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya! Kami tetap menguji kamu (wahai orang-orang yang mengaku beriman) sehingga ternyata pengetahuan Kami tentang adanya orang-orang yang berjuang daripada kalangan kamu dan orang-orang yang sabar (dalam menjalankan perintah Kami) dan (sehingga) Kami dapat mengesahkan (benar atau tidaknya) berita-berita tentang keadaan kamu'.*

Allah SWT berfirman dalam ayat ini bahawa sesungguhnya Dia akan menguji manusia dengan perintah-perintah dan larangan-larangan untuk mengetahui siapakah di kalangan manusia itu yang benar-benar berjihad dan bersabar. Juga agar Allah menyatakan keburukan yang dilakukan oleh manusia lain.<sup>25</sup>

***Hamba yang mengaku dirinya beriman tetap akan menerima ujian Allah***

﴿أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ﴾

﴿فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ﴾

Surah al-Ankabut 29:2-3

Terjemahan: *Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata 'kami beriman', sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenarnya beriman, dan nyata pula yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta.*

<sup>24</sup>Ibid., 1: 279.

<sup>25</sup>Ibid., 4: 2606.

Dalam ayat ini, Allah SWT bertanya dengan nada ancaman, apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan mengaku beriman tanpa diuji? Sesungguhnya Allah SWT pasti akan menguji hamba-hambaNya yang Mukmin sebagaimana Dia menguji orang-orang sebelum ini.<sup>26</sup>

***Orang Mukmin yang bersabar menghadapi ujian terutamanya tentangan daripada orang-orang kafir akan mendapat pahala dan ganjaran syurga di akhirat kelak***

إِنِّي جَزَيْتُهُمُ الْيَوْمَ بِمَا صَبَرُوا أَنَّهُمْ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿١١١﴾

Surah al-Mu'minun 23:111

Terjemahan: *Sesungguhnya Aku (Allah) memberi balasan kepada mereka pada hari ini (hari akhirat), kerana kesabaran mereka (menanggung pelbagai ujian), sesungguhnya mereka itulah orang yang menang.*

Allah SWT berfirman kepada orang-orang kafir yang telah mengejek-ejek dan mentertawakan orang-orang Mukmin yang berdoa kepadanya ketika di dunia bahawa orang-orang Mukmin itu hidup bahagia di syurga sedangkan mereka orang-orang kafir di azab dalam neraka.<sup>27</sup>

***Ujian merupakan takdir Allah***

﴿قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ﴾

Surah al-Taubah 9:51

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad), tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang beriman bertawakkal.*

Allah SWT telah memberi petunjuk kepada Rasulullah bagaimana menghadapi sikap para munafiqin dan memerintahkan agar baginda menjawab kenyataan-kenyataan mereka dengan mengatakan bahawa sesungguhnya sekali-kali tidak ada sesuatu pun yang menimpa kami selain apa yang telah ditetapkan dan ditakdirkan oleh Allah SWT. Hanya Allah pelindung kami dan hanya kepadanya jualah orang-orang beriman bertawakkal.<sup>28</sup>

***Harta kemewahan dan anak-anak adalah ujian***

﴿وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا آمَوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ﴾

Surah al-Anfal 8:28

<sup>26</sup>Ibid., 3: 2142.

<sup>27</sup>Ibid., 3: 1951.

<sup>28</sup>Ibid., 2: 1306.



Terjemahan: *Dan ketahuilah bahwa hartamu dan anak-anakmu itu hanyalah sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi Allah lah pahala yang besar.*

Ayat ini menjelaskan bahawa harta dan anak-anak merupakan kesayangan dan kecintaan manusia bahkan merupakan ujian kepada mereka. Ini kerana harta dan anak-anak dapat melalaikan manusia daripada mengingati Allah. Maka sesiapa yang mengasihi dan mencintai Allah dan Rasulullah melebihi segala-galanya yang ada di dunia ini, bererti dia telah dapat menikmati manisnya iman.<sup>29</sup>

### ***Sikap manusia apabila menerima ujian Allah berupa kesusahan dan kesenangan***

﴿فَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا خَوَّلْنَاهُ نِعْمَةً مِنَّا قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ ۗ بَلْ هِيَ فِتْنَةٌ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾

Surah al-Zumar 39:49

Terjemahan: *Maka apabila manusia ditimpa bahaya dia menyeru kami, kemudian apabila Kami berikan kepadanya nikmat dari kami dia berkata, sesungguhnya aku diberi nikmat itu hanyalah kerana kepintaran. Sebenarnya itu adalah ujian tetapi kebanyakan mereka itu tidak mengetahui.*

Allah SWT berfirman dalam ayat ini tentang manusia sikap manusia ketika menerima *Ibtla'*. Apabila ditimpa bencana dan musibah, dia akan segera mengingati Tuhannya dan berdoa memohon keampunan dan rahmatNya agar diselamatkan daripada musibah yang menyimpannya. Apabila Allah SWT mengurniakan nikmat dan rezeki, dia lupa kepada Tuhannya dengan penuh kesombongan dan rasa bangga diri serta berkata 'Apa yang diperolehinya itu adalah hasil usahanya sendiri'. Padahal kesusahan yang menyimpannya atau kesenangan diperolehinya adalah cubaan Allah SWT untuk mengujinya. Maka seharusnya seseorang hamba itu bersabar atas musibah yang menimpa dan bersyukur di atas nikmat diberi. Sikap tidak sedar diri manusia yang digambarkan dalam ayat di atas juga merupakan sikap dan sifat orang-orang dari umat terdahulu. Kesombongan dan keengkarannya akhirnya memusnahkan mereka. Sesungguhnya hanya Allah SWT yang berkuasa melapangkan dan menyempitkan rezeki hamba-hambaNya.<sup>30</sup>

### ***Allah menjadikan manusia yang terdiri daripada pelbagai umat dan bangsa juga sebagai ujian***

﴿وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۗ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَىٰ اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا﴾

Surah al-Maidah 5:48

<sup>29</sup>*Ibid.*, 2: 1225-1226.

<sup>30</sup>*Ibid.*, 4: 2451.

Terjemahan: *Sekiranya Allah menghendaki, nescaya kamu dijadikanNya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu dengan pemberianNya kepadamu, maka berlumba-lumbalah membuat kebajikan. Hanya kepada Allah kamu akan kembali semuanya.*

Ayat ini menjelaskan bahawa dalam persoalan tauhid, semua agama sejak zaman Nabi Adam hingga Nabi Muhammad diseru agar hanya menyembah Allah yang Esa. Apa yang berbeza hanyalah perkara halal dan haram serta peraturan dalam masyarakat yang berubah-ubah mengikut zaman dan keadaan menurut hikmah dan kehendakNya. Allah berbuat demikian untuk menguji umat manusia siapa yang tetap taat dan siapa yang menolaknya. Seharusnya setiap manusia itu berlumba-lumba mengerjakan kebaikan dan menjauhi kemaksiatan'.<sup>31</sup>

### ***Jangan berprasangka terhadap ujian Allah***

﴿فَأَمَّا الْإِنْسَانُ إِذَا مَا ابْتَلَاهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَّمَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ وَأَمَّا إِذَا مَا ابْتَلَاهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَهْنَنِ﴾

Surah al-Fajr 89:15-16

Terjemahan: *(Dalam pada itu manusia tidak menghiraukan balasan akhirat), oleh yang demikian maka kebanyakan manusia apabila diuji oleh Tuhannya dengan dimuliakan dan dimewahkan hidupnya, (ia tidak mahu bersyukur tetap terus bersikap takbur) serta berkata dengan sombongnya : Tuhanku telah memuliakan aku. Dan sebaliknya apabila ia diuji oleh Tuhannya dengan disempitkan rezekinya (ia tidak bersabar bahkan ia resah gelisah) serta merepek dengan dengan katanya: Tuhanku telah menghinakan aku.*

Dalam ayat-ayat ini, Allah SWT telah mengingatkan manusia supaya jangan sekali-kali berprasangka bahawa kemuliaan di sisi Allah hanya boleh ditentukan oleh kaya atau miskin dalam harta benda, banyak atau sedikitnya makanan.<sup>32</sup>

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran beserta tafsir di atas, dapat dirumuskan bahawa Allah menjadikan dunia ini sebagai tempat ujian bagi manusia dan kejadian manusia itu sendiri merupakan ujian. Setiap manusia pasti akan berdepan dengan ujian dan ianya diberi dalam pelbagai bentuk merangkumi kesenangan dan kesusahan mengikut kesesuaian dan kemampuan masing-masing.

### **Nas al-Hadith Berkaitan *al-Ibtala'***

Selain ayat-ayat al-Quran, kefahaman terhadap konsep *al-Ibtala'* juga dapat difahami melalui al-Hadith. Terdapat banyak hadith Rasulullah menyatakan tentang konsep *al-Ibtala'*. Di sini hanya disenaraikan beberapa hadith Rasulullah SAW yang membicarakan berkenaan *al-Ibtala'*. Antaranya ialah :

<sup>31</sup>*Ibid*, 2: 915-916.

<sup>32</sup>*Ibid*, 4: 3036.

1. Di dalam sebuah hadits Qudsi, Allah SWT berfirman kepada Rasulullah s.a.w:

إِنَّمَا بَعَثْتُكَ لِأَتَّبِعِيكَ وَأُتَّبِعِي بِكَ.

Terjemahan: *Sesungguhnya Aku mengutusmu adalah untuk mengujimu dan menguji mereka yang bersama-sama denganmu.*<sup>33</sup>

2. Sabda Nabi s.a.w:

إِذَا أَصَابَ أَحَدَكُمْ مُصِيبَةٌ، فَلْيَذْكُرْ مُصَابَهُ بِي، فَإِنَّهَا مِنْ أَعْظَمِ الْمَصَائِبِ.

Terjemahan: *Jika salah seorang diantara kalian tertimpa musibah, maka ingatlah musibah yang menimpaku, sungguh ia merupakan musibah yang paling besar.*<sup>34</sup>

3. Sabda Nabi s.a.w:

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ، وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ، فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا، وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ.

Terjemahan: *Sesungguhnya pahala yang besar didapatkan melalui cubaan yang besar pula. Apabila Allah mencintai seseorang, maka Allah akan memberikan cubaan kepadanya, barangsiapa yang redha (menerimanya) maka Allah akan meredhainya dan barangsiapa yang murka (menerimanya) maka Allah murka kepadanya.*<sup>35</sup>

4. Sabda Nabi s.a.w:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُصِيبُهُ أَدَى، مَرَضٌ فَمَا سِوَاهُ، إِلَّا حَطَّ اللَّهُ لَهُ سَيِّئَاتِهِ، كَمَا تَحُطُّ الشَّجَرَةُ وَرَقَهَا.

Terjemahan: *Setiap muslim yang terkena musibah penyakit atau yang lainnya, pasti akan hapuskan kesalahannya, sebagaimana pohon menggugurkan daun-daunnya.*<sup>36</sup>

5. Sabda Nabi s.a.w:

مَا مِنْ شَيْءٍ يُصِيبُ الْمُؤْمِنَ مِنْ نَصَبٍ، وَلَا حَزَنٍ، وَلَا وَصَبٍ، حَتَّىٰ أَلْهَمُ يُهْمُهُ؛ إِلَّا يُكَفِّرُ اللَّهُ بِهِ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ.

<sup>33</sup> Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, "Kitab al-Jannah wa Sifah Na'imiha wa Ahliha, Bab Sifat allati Yu'rafu biha fi al-Dunya Ahl al-Jannah wa Ahl al-Nar," *Sahih Muslim*, no. Hadith 2865. (Riyad: Dar Tayyibah, 2006), 1311.

<sup>34</sup> Abu Muhammad 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman al-Darimi, "Kitab 'Alamat al-Nubuwwah, Bab fi Wafat al-Nabi," *al-Musnad al-Jami' al-Darimi*, no. Hadith 93. (Bayrut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, 2013), 120.

<sup>35</sup> Abū 'Isā Muḥammad ibn 'Isā al-Sulamī al-Tirmidhī, "Kitab al-Zuhd 'an Rasul Allah Salla Allahu 'alaihi wasllam, Bab Ma Jaa fi al-Sabr 'ala al-Bala'," *Jami' al-Kabir*, no. Hadith 2396. (Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami, 1996), 4: 202. Hadith Hassan Gharib.

<sup>36</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'il, "Kitab al-Marda, Bab Wad'u al-Yad 'ala al-Marid," *Sahih al-Bukhari*, no. Hadith 6550. (T.t: Dar Tawq al-Najah, 1422H), 7: 118.

Terjemahan: *Tidaklah seorang muslim tertusuk duri atau sesuatu hal yang lebih berat dari itu melainkan diangkat darjatnya dan dihapuskan dosanya kerananya.*<sup>37</sup>

6. Sabda Nabi s.a.w:

مَا يَزَالُ الْبَلَاءُ بِالْمُؤْمِنِ وَالْمُؤْمِنَةِ فِي جَسَدِهِ وَمَالِهِ وَوَلَدِهِ حَتَّى يَلْقَى اللَّهَ وَمَا عَلَيْهِ خَطِيئَةٌ.

Terjemahan: *Cubaan akan selalu menimpa seorang mu'min dan mu'minah, baik pada dirinya, pada anaknya mahupun pada hartanya, sehingga dia bertemu dengan Allah tanpa dosa sedikitpun.*<sup>38</sup>

7. Nabi s.a.w ditanya siapakah dalam kalangan manusia yang paling berat ujiannya, kemudian baginda bersabda:

الْأَنْبِيَاءُ، ثُمَّ الْأَمْثَلُ فَأَلْأَمْثَلُ، فَإِذَا كَانَ الرَّجُلُ صُلْبَ الدِّينِ يُبْتَلَى الرَّجُلُ عَلَى قَدْرِ دِينِهِ، فَمَنْ تَحَنَّنَ دِينُهُ تَحَنَّنَ بَلَاؤُهُ، وَمَنْ ضَعُفَ دِينُهُ ضَعُفَ بَلَاؤُهُ.

Terjemahan: *(Sesungguhnya, manusia yang menerima ujian yang paling berat) adalah para Nabi, kemudian disusuli oleh orang-orang yang mulia berikutnya. Sekiranya seorang lelaki itu kuat pegangan agamanya maka dia akan diuji berdasarkan agamanya. Jadi, sesiapa yang kuat pegangan agamanya maka beratlah ujiannya, dan sesiapa yang lemah pegangan agamanya maka ringanlah ujiannya.*<sup>39</sup>

Bukti daripada ayat-ayat al-Quran dan hadith tersebut menunjukkan bahawa tidak seorang manusia pun di dunia ini yang terlepas daripada menerima *Ibtala'*. Seseorang dianggap berjaya menjalani *Ibtala'* sekiranya berjaya menghadapinya dengan sabar, syukur dan redha. Begitu juga sebaliknya, seseorang dianggap gagal dalam menerima *Ibtala'* sekiranya menjadi sombong dan semakin jauh dari keredhaan Allah SWT.

## Hakikat Ujian

Berdasarkan nas al-Quran dan nas al-Hadith yang telah dikemukakan, jelas membuktikan bahawa *al-Ibtala'* merupakan sunnah kehidupan bagi setiap manusia dan dunia adalah tempat bagi manusia menjalani ujian tersebut sebelum menempuh alam akhirat. Perlu diketahui oleh semua umat Islam bahawa kejadian manusia itu sendiri merupakan ujian Allah. Hakikat ini dibuktikan di dalam ayat al-Quran seperti berikut:

---

<sup>37</sup> Abū 'Isā Muḥammad ibn 'Isā al-Sulamī al-Tirmidhī, "Kitab al-Janaiz 'an Rasul Allah Salla Allahu 'alaihi wasallam, Bab Ma Jaa fi Thawab al-Marid," *Jami' al-Kabir*, no. Hadith 966. (Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami, 1996), 2: 288.

<sup>38</sup> 'Ala' al-Din Abu al-Qasim 'Ali bin 'Abd Allah al-Farisi, "Kitab al-Janaiz wa Ma Yata'allaq biha Muqaddiman aw Muta'akhkhiran, Bab Ma Jaa fi al-Sabr wa Thawab al-Amrad wa al-'Arad," *al-Ihsan fi Taqrib Sahih Ibn Hibban*, no. Hadith 2915. (Dar al-Ta'sil, 2014), 4: 18.

<sup>39</sup> Abu 'Abd-Allah Muhammad ibn 'Abd-Allah al-Hakim al-Naisaburi, "Kitab al-Iman, Bab Ashad al-Nas Bala' al-Anbiya' Thumma al-'Ulama' Thumma al-Salihun," *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*, no. hadith 120. (Bayrut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah, 1990), 1:99.

﴿إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

Surah al-Insan 76:2

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan) serta kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan): oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.*

Ujian merupakan sunnatullah kepada setiap manusia dari awal penciptaannya hinggalah ke hari kiamat.<sup>40</sup> Penciptaan manusia itu bukanlah sia-sia tetapi mempunyai tujuan dan matlamat tertentu menurut kehendak Allah SWT.<sup>41</sup> Manusia telah dipilih sebagai khalifah di atas muka bumi ini bertujuan untuk beribadah kepada Allah dan diberi keistimewaan untuk mentadbir dunia yang fana ini. Oleh itu, sudah menjadi kewajipan bagi setiap insan untuk sentiasa muhasabah diri dan berpegang teguh kepada agama Allah dalam menghadapi segala bentuk ujian dan rintangan yang tidak terduga di atas muka bumi ini. Firman Allah SWT:

﴿أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ﴾

Surah al-Mukminun 23:115

Terjemahan: *Maka adakah patut kamu menyangka Kami hanya menciptakan kamu (daripada ada kepada tiada) sahaja dengan tiada sebarang hikmah pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada kami?*

Ujian merupakan salah satu dari sunnah Allah terhadap makhlukNya. Dengan adanya ujian, Allah akan membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa mereka), membinasakan orang-orang kafir dan supaya Allah memisahkan orang-orang yang menyembah Allah daripada orang-orang yang kufur.<sup>42</sup> Ujian dan cubaan itu pasti akan terjadi khususnya kepada orang-orang yang mengakui kekasih Allah.<sup>43</sup>

Manusia juga perlu menyedari bahawa ujian itu adalah rukun hidup. Setiap orang pasti merasakan ujian, baik mukmin mahupun kafir. Namun begitu, kaum mukmin akan merasakan penderitaan di dunia terlebih dahulu dan di akhirnya, mereka akan merasakan buah yang manis, baik di dunia mahupun akhirat. Sebaliknya bagi orang kafir, munafik dan pendosa akan merasakan kenikmatan dan kesenangan terlebih dahulu, tetapi pada hujungnya penderitaan yang menanti. Ujian merupakan suatu kemestian. Seandainya di dunia ini hanya ada kebaikan tanpa kejahatan, keselamatan tanpa kemudaratan serta senang tanpa kesulitan, maka dunia ini bukanlah dunia seperti yang dialami sekarang. Kebijakan Allah telah

---

<sup>40</sup>Soleh Ahmad al-Khotib, *al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah* (Riyadh: Maktabah al-Rushd li Al-Nasyar wa Tauzi', 2004), 2: 269-271.

<sup>41</sup>Faisal Ahmad Shah, "Konsep Al-Ibtilla' dan Cara Menghadapinya Menurut Al-Quran dan As-Sunnah," 6.

<sup>42</sup> al-Amin al-Sodiq al-Amin, *al-Thabat 'ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam*, 287-288. Lihat juga Sa'ad Ghunaim, *Al-Ibtilla' tathir wa Ni'mah min Rabb al-Ardhi wa as-Sama'*, 3-4. Lihat juga Muhammad bin Muhammad al-Manjabi Al-Hambali, *Tasliyah Ahli al-Masa'ib, Penawar Bagi Orang Yang Ditimpa Musibah*, terj. Srajuddin Khairul Anam dan Ahmad Baihaqi Khairuddin (Batu Caves: Al-hidayah Publications, 2008), 39.

<sup>43</sup>Abdul Qadir al-Jailani, *Wasiat Dan Nasihat Kerohanian*, terj. Akmal Hj. Mohd.Zain (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications, 2008), 532.

menciptakan antara kebaikan dan keburukan, kesenangan dan kesusahan, kemashalatan dan kemudharatan. Hal ini bertepatan dengan firman Allah:

﴿لِيَمِيزَ اللَّهُ الْخَبِيثَ مِنَ الطَّيِّبِ وَيَجْعَلَ الْخَبِيثَ بَعْضَهُ عَلَى بَعْضٍ فَيَرْكُمَهُ جَمِيعًا  
فَيَجْعَلُهُ فِي جَهَنَّمَ أُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ﴾

Surah al-Anfal 8:37

Terjemahan: *Supaya Allah memisahkan (golongan) yang buruk itu sebahagiannya di atas sebahagian yang lain. Lalu semuanya Dia ditumpukan dan dimasukkan ke dalam neraka Jahannam. Mereka itulah orang-orang yang rugi.*

Ujian dan cabaran mempunyai hikmah dan ia sebagai sunnatullah kepada para utusanNya (Rasul) dan para pengikut mereka.<sup>44</sup> Telah menjadi sunnah Ilahi (sunnatullah), ujian dan cabaran pasti datang pada setiap makhluk yang hidup di muka bumi ini, terutama mereka yang berjuang di jalan Allah. Oleh itu, setiap Muslim hendaklah memahami bahawa jalan kemenangan dan hasil yang baik didapati setelah melalui ujian, cubaan dan pelbagai kesulitan kerana kemenangan yang dicapai melalui ujian dianggap paling mahal dan berharga. Manakala kemenangan yang diperolehi melalui jalan mudah dan murah, maka ia tidak bernilai dan dihargai di sisi manusia, lebih-lebih lagi di sisi Allah SWT.<sup>45</sup>

Setiap makhluk di dunia ini tidak akan terlepas daripada ujian Allah kerana ujian itu adalah sunnah kehidupan. Tanpa ujian, hidup menjadi tidak bererti dan seakan-akan mati. Ujian memberi manusia kehidupan yang penuh warna warni yang menambah keindahan. Malah Allah menciptakan kehidupan dan kematian sebagai ujian kepada setiap makhlukNya. Ujian dan cubaan yang dialami memberikan kepelbagaian dalam kehidupan. Ujian dan cubaan itu adalah tanda sayang Allah SWT kepada hambaNya. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ﴾

Surah Ali Imran 3:139

Terjemahan: *Janganlah kalian bersikap lemah dan janganlah (pula) kalian bersedih hati kerana kalianlah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kalian beriman.*

Setiap manusia bertanggungjawab untuk mencari keredhaan Allah SWT. Di akhir setiap ujian, orang yang benar-benar mentauhidkan Allah SWT, tidak mensyirikkanNya serta patuh kepada suruhan dan laranganNya akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Sebaliknya, amat malang bagi mereka yang gagal menghadapi ujian Allah dan leka dengan keseronokan dunia kerana azab yang menunggu mereka di akhirat kelak.

<sup>44</sup>Abu Muhammad Tolha al-Khairi, *Al-Ibtala' Wa 'Awamil al-Thabat: Merentasi Ujian Dan Rintangannya Mendaki Kejayaan* (Kuala Lumpur: Penerbit Al-Bayan, 2009), xviii.

<sup>45</sup>*Ibid*, xix.

Manusia harus sentiasa ingat bahawa dunia merupakan negeri ujian, penjara dan tempat cubaan<sup>46</sup> yang penuh dengan kekeliruan dan bebanan.<sup>47</sup> Allah menciptakan dunia dan segala perhiasannya adalah untuk menguji siapakah di antara hambaNya yang paling baik amalannya selama hidup di dunia ini.

Sesungguhnya, orang-orang Mukmin akan sentiasa diuji oleh Allah SWT dengan bermacam-macam ujian dalam kehidupannya di dunia. Dia akan menguji setiap hambaNya untuk menguji sejauh mana tahap kemampuan iman mereka. Allah SWT menguji manusia dengan segala kebaikan dan keburukan yang telah Dia tentukan untuk setiap hambaNya.<sup>48</sup> Tanpa disedari, kedua-dua kebaikan dan keburukan tersebut merupakan ujian Allah kepada setiap hambaNya agar mereka tidak lupa kepadaNya. Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Anbiya' ayat 35 yang bermaksud '*Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan, dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan*'.

Kekayaan dan kesenangan hidup di dunia juga merupakan ujian. Semua itu merupakan kesenangan hidup di dunia yang boleh jadi akan hanya menjadikan seseorang itu rugi di akhirat. Boleh jadi ujian kesenangan memberi impak yang lebih besar pada diri seseorang daripada ujian ditimpa musibah. Manusia seringkali ingat pada Tuhannya ketika dia ditimpa susah. Tetapi manusia seringkali lupa diri ketika beroleh kesenangan. Saat mendapat susah dia berpaling kepada Tuhannya tetapi ketika mendapat nikmat, dia mengatakan semua itu kerana usahanya sendiri. Ahmad al-Khotib menukilkan kata Ibnu Athaillah al-Sakandary yang menyebut: "*Sesungguhnya Allah menjadikan dunia ini sebagai tempat kesusahan dan kekeruhan agar kamu jemu terhadap dunia.*"<sup>49</sup>

Tragedi-tragedi kehidupan yang menimpa diri atau keluarga sebenarnya ujian Allah semata-mata. Setiap dari hambaNya akan tetap diuji dan diduga. Sebagai Tuhan yang Maha Penyayang, Allah akan menguji kesetiaan (keimanan) hamba kepadaNya. Jika musibah melanda, adakah seseorang itu masih tetap setia mengingatiNya atau mula berubah hati atau menderhakaiNya? Dugaan hidup yang menimpa diri sendiri dan orang lain tidak sama dan boleh berlaku dalam berbagai-bagai bentuk. Ada orang mengalami kesempitan hidup akibat masalah kewangan dan kerjaya. Ada juga yang ditimpa bencana kemalangan, kehilangan dan kesakitan. Ada pula yang didugaNya dengan masalah peribadi, rumah tangga dan kekeluargaan.<sup>50</sup> Namun masalah dan musibah bukanlah bermakna berakhirnya penghidupan yang penuh harapan. Allah itu Maha Penyayang dan Maha Mengasihani. Dia tidak akan membiarkan seseorang terus-meneruskan menanggung kesusahan dan kesulitan hidup.

## KESIMPULAN

Berdasarkan beberapa ayat al-Quran, petikan al-Hadith serta penghuraian pandangan tentang hakikat *Ibtala'*, dapat dirumuskan kepada beberapa perkara penting:

**Pertama:** Kejadian manusia dan kehidupan manusia adalah ujian dan dunia merupakan tempat ujian bagi Allah mengetahui siapakah di kalangan hambaNya yang berjaya atau gagal menghadapi ujian-ujian tersebut.

---

<sup>46</sup>Muhammad bin Muhammad al-Manjabi al-Hambali, *Tasliyah Ahli al-Masaib, Penawar Bagi Orang Yang Ditimpa Musibah*, 33.

<sup>47</sup>Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, *Nasihat Dan Wirid*, terj. Nabilah Abdul Jalil (Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn.Bhd., 2014), 184.

<sup>48</sup>*Ibid.*, 55.

<sup>49</sup>Soleh Ahmad al-Khotib, *al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah*, 269.

<sup>50</sup>*Ibid.*, 12.

**Kedua:** Setiap manusia tanpa mengira bangsa, agama, keturunan dan rupa, pasti akan diuji dan menerima *Ibtıla'* dari Allah samada kesenangan mahupun kesusahan. Tiada manusia atau makhluk lain yang dapat lari daripada *Ibtıla'* Allah.

**Ketiga:** *Ibtıla'* dan ujian yang berikan Allah kepada setiap hambaNya adalah mengikut kesesuaian, kemampuan dan tahap keimanan mereka. Semakin tinggi keimanan seseorang, semakin berat pula ujiannya. Oleh yang demikian, sudah tentulah Para Nabi dan Rasul merupakan manusia yang paling hebat *Ibtıla'*nya berbanding manusia-manusia lain.

**Keempat:** Ujian Allah kepada para hambaNya datang dalam pelbagai bentuk kesenangan dan kesusahan. Ada yang diuji dengan suami, isteri, anak, keturunan, kesihatan, harta benda, rupa paras, pekerjaan dan ilmu pengetahuan.

**Kelima:** Menerusi *Ibtıla'-Ibtıla'* inilah wujudnya sifat-sifat manusia yang beraneka ragam. Ada yang semakin bersyukur apabila mendapat nikmat kesenangan, semakin bersabar apabila ditimpa kesusahan, semakin dekat kepada Allah dan teguh keimanannya. Namun ada juga yang semakin sombong, semakin jauh dari Allah sehingga tergelincir imannya dan ada yang tersesat dari jalan Allah.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (MoHE) dan Universiti Malaya atas geran penyelidikan yang diperuntukkan di bawah geran FRGS 2015 (Flood Disaster Management), Reference Code: FRGS/1/2015/SSIO3/UM/03/1.

## RUJUKAN

- 'Abd Allah 'Abd al-Ghani Muhammad Saleh. *Al-Ibtıla' wa Atharuhu fi Hayat al-Mu'minin kama Ja'a fi al-Quran al-Karim*. Riyad: Dar al-'Itisam, t.t.
- Abdul Qadir al-Jailani. *Nasihat dan Wirid*. Terj. Nabilah Abdul Jalil. Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn.Bhd., 2014.
- Abdul Qadir al-Jailani. *Wasiat dan Nasihat Kerohanian*. Terj. Akmal Hj. Mohd.Zain. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications, 2008.
- Abdul Rauf Hassan, Abdul Halim Salleh & Khairul Amin. *Kamus Oxford Fajar*. Selangor: Oxford Fajar, 2006.
- Abu Muhammad Tolhah Al-Khairi. *Al-Ibtıla' Wa 'Awamil al-Thabat: Merentasi Ujian Dan Rintangan Mendaki Kejayaan*, penyunting Jaafar Salleh, Kuala Lumpur: Penerbit al-Bayan, 2009.
- Ahmad Warson Munawwir. *Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap Cetakan ke-14*. Surabaya, Indonesia: Pustaka Progressif, 1997.
- Aisha Bewley. *Glossary Of Islamic Terms*. London: Ta-Ha Publishers, 1998.
- Al-Amin al-Sodiq al-Amin. *Al-Thabat 'ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam*, Jilid 2. Saudi: Dar Ibn al-Jauzi, 2004.
- Al-Bukhari, Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl. *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Dar Tayyibah,



2006.

- Al-Darimi, Abu Muhammad ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman. Al-Musnad al-Jami‘ al-Darimi. Bayrut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, 2013.
- Al-Farisi, ‘Ala’ al-Din Abu al-Qasim ‘Ali bin ‘Abd Allah. Al-Ihsan fi Taqrib Sahih Ibn Hibban. Dar al-Ta’sil, 2014.
- Al-Hakim, Abu ‘Abd-Allah Muhammad ibn ‘Abd-Allah al-Naisaburi. Al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah, 1990.
- Al-Mu’jam al-Wasit, cet.4. Kaherah: Maktabah al-Syuruk al-Dauliyah, 2005.
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Īsā Muḥammad ibn ‘Īsā al-Sulamī. Jami‘ al-Kabir. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami, 1996.
- Faisal Ahmad Shah. “Konsep al-Ibtala’ dan Cara Menghadapinya Menurut al-Quran dan as-Sunnah.” Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- Hani Sa’ad Ghunaim. Al-Ibtala’ tathir wa Ni’mah min Rabb al-Ardhi wa as-Sama’: Musibah (Ujian) Menyucikan Dosa Dan Meninggikan Darjat, terj. Abu Athiyyah. Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa, 2012.
- Ibn Kathir, Isma’il bin ‘Umar. Tafsir Ibnu Kathir. Riyadh: Dar al-Salam, 2004.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Makram. Lisan al-Arab. Beirut: Dar Sadir, 1994.
- Mahmud Ahmad Sa’id al-Atrasyh. Syukr al-Ni’mah fi al-Quran al-Karim wa al-Sunnah al-Sohihah. Dar al-Iman, 2007.
- Mohammed Ismail Sayyid Abu Skheil. “Al-Ab’ad al-Tarbawiyah li Sunnah al-Ibtala’.” Disertasi kuliah tarbiyyah, Qism Usul al-Tarbiyyah, Ghazzah: Jami’ah al-Islamiyyah, 2007.
- Muhammad Abd. Qadir. Al-Ibtala’ wa al-Mihan fi al-Da’wat. Irbid, Jordan: Dar al-Furqan, 1987.
- Muhammad bin Muhammad al-Manjabi al-Hambali. Tasliyah Ahli al-Masaib, Penawar Bagi Orang Yang Ditimpa Musibah, terj. Srajuddin Khairul Anam dan Ahmad Baihaqi Khairuddin. Batu Caves: al-Hidayah Publications, 2008.
- Muhammad Nur Lubis. Bencana (Ibtala’) Pengertian & Konsep. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, 2008.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj. Sahih Muslim. Riyad: Dar Tayyibah, 2006.
- Noresah Baharom, et. al. Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Rohi Baalbaki. Qamus al-Mawrid. Bayrut: Dar el-Ilm Lilmalayin, 1995.
- Soleh Ahmad al-Khotib. Al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah. Riyadh: Maktabah al-Rushd li al-Nasyar wa Tauzi’, 2004.
- Wan Aznan Wan Abdullah. Dugaan Hidup. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., 2000.